



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 20 Tahun 2023

**MENERIMA PAKAI PEKELILING PERKHIDMATAN
BILANGAN 1 TAHUN 2023**
**BERKAITAN PEMBERIAN SUBSIDI YURAN PENGASUHAN TAMAN
ASUHAN KANAK-KANAK DI TEMPAT KERJA SEKTOR AWAM**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengenai penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2023 berkaitan Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak Di Tempat Kerja Sektor Awam.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan melelui pembentangan Belanjawan Tahun 2023, telah bersetuju menaikkan had kelayakan pendapatan bulanan isi rumah pegawai Perkhidmatan Awam daripada RM5,000.00 kepada RM7,000.00 bagi tujuan pemberian subsidi yuran pengasuhan Taska di tempat kerja sektor awam. Pemberian subsidi yuran pengasuhan Taska ini telah dinikmati mulai tahun 2007 dan dasar yang berkuatkuasa adalah diperuntukkan di dalam Pekeliling Bilangan 38 Tahun 2013.
- 2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UiTM ke – 140 pada 25 Mac 2014 bersetuju meluluskan penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 38 Tahun 2013 : Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak di tempat Kerja Sektor Awam.

- 2.3 Pekeliling Naib Canselor Bil. 07 Tahun 2014 : Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) Di Tempat Kerja Sektor Awam.
- 2.4 Majlis Sumber Manusia (MSM) Bilangan 75 pada 13 April 2023 bersetuju memperakui dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah Universiti untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2023 berkaitan Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak Di Tempat Kerja Sektor Awam dan cadangan tarikh kuatkuasa adalah mulai 1 April 2023.
- 2.5 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Ke – 189 pada 17 Mei 2023 telah meluluskan penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2023 berkaitan Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak Di Tempat Kerja Sektor Awam. Tarikh kuatkuasa adalah pada 1 April 2023.

3.0 PELAKSANAAN

Pelaksanaan penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2023 berkaitan Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak Di Tempat Kerja Sektor Awam di UiTM adalah seperti berikut:

3.1 Terma

- 3.1.1 "**agensi**" bermaksud Kementerian atau Jabatan Kerajaan dalam sektor awam;
- 3.1.2 "**anak**" bermaksud anak kandung, anak tiri, anak angkat atau anak pelihara yang diambil mengikut peruntukan undang-undang yang berumur bawah empat (4) tahun;
- 3.1.3 "**pegawai**" bermaksud pegawai lantikan tetap, kontrak (*Contract of Service*) bertaraf warganegara Malaysia, sementara atau guru interim;
- 3.1.4 "**pendapatan bulanan isi rumah**" bermaksud jumlah pendapatan sebulan bagi pegawai dan suami/ isteri yang terdiri daripada gaji hakiki, gaji peminjaman, imbuhan-imbuhan tetap, elaun dan

bayaran insentif kecuali bayaran balik/ bayaran secara *one-off* atau bayaran secara tidak tetap;

- 3.1.5 "**Taska**" bermaksud Taman Asuhan Kanak-kanak di tempat kerja sektor awam yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau mendapat pengecualian pendaftaran di bawah Seksyen 3(1)(b), Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308) dan diselaraskan oleh Bahagian Sumber Manusia atau bahagian yang menyelaras urusan mengenai Taska di agensi kerajaan; dan
- 3.1.6 "**yuran**" bermaksud yuran pengasuhan bulanan yang ditetapkan oleh pengusaha Taska.

3.2 Had Kelayakan

Had kelayakan pendapatan bulanan isi rumah pegawai bagi tujuan pemberian subsidi yuran pengasuhan Taska di tempat kerja sektor awam dinaikkan daripada RM5,000.00 sebulan kepada tidak melebihi RM7,000.00.

3.3 Kadar dan Kaedah Permohonan

- 3.3.1 Kadar subsidi yang layak diberi adalah mengikut kadar yuran sebenar atau maksimum RM180.00 sebulan bagi seorang anak. Kadar subsidi ini dibayar terus kepada pengusaha Taska oleh agensi di mana pegawai berkhidmat. Sekiranya yuran tersebut melebihi RM180.00, baki selebihnya ditanggung oleh pegawai berkenaan.
- 3.3.2 Pemberian subsidi yuran pengasuhan Taska ini layak diberi kepada anak yang berumur bawah empat (4) tahun pada tarikh anak didaftar masuk ke Taska.
- 3.3.3 Bagi tahun calendar di mana anak umur genap empat (4) tahun, subsidi yuran pengasuhan Taska boleh diteruskan sehingga 31 Disember tahun kalendar. Sebagai contoh, jika tarikh lahir anak

adalah pada 24 Oktober 2019, maka pemberian subsidi yuran pengasuhan Taska adalah sehingga 31 Disember 2023.

3.3.4 Pegawai hendaklah membuat permohonan kepada Bahagian Saraan Kemudahan, Pejabat Pendaftar, UiTM atau pentadbiran kampus yang menyelaras urusan mengenai Taska di agensi kerajaan di mana pegawai berkhidmat. Semua permohonan untuk mendapatkan subsidi hendaklah menggunakan Borang Permohonan Subsidi Yuran Pengasuhan Taska di Tempat Kerja Sektor Awam seperti di Lampiran A. Permohonan hendaklah disokong oleh Ketua Jabatan agensi di mana pegawai berkhidmat dengan dikepalkan Bersama;

3.3.4.1 salinan penyata gaji pegawai;

3.3.4.2 salinan penyata gaji suami/ isteri. Bagi suami/ isteri yang tidak berkhidmat dengan kerajaan sama ada suri rumah, bekerja sendiri atau bekerja di sektor swasta, dokumen atau keterangan berkaitan pendapatan perlu disahkan oleh Ketua Jabatan pegawai;

3.3.4.3 salinan sijil kelahiran anak; dan

3.3.4.4 salinan sijil pengangkatan daripada Jabatan Pendaftaran Negara/ dokumen pengesahan anak pelihara mengikut peruntukan undang-undang/ dokumen menunjukkan hubungan dengan anak tiri, mengikut mana yang berkenaan.

3.3.5 Pemberian subsidi yuran pengasuhan Taska hanya layak diberi kepada salah seorang pegawai sama ada suami atau isteri bagi setiap seorang anak.

3.3.6 Pegawai yang telah diluluskan subsidi yuran pengasuhan Taska hendaklah mengemukakan semula Salinan penyata gai pegawai dan suami/ isteri serta salinan sijil kelahiran, sijil pengangkatan atau dokumen pengesahan anak selewat-lewatnya pada 31 Disember

setiap tahun kepada Bahagian Saraan Kemudahan, Pejabat Pendaftar, UiTM atau pentadbiran kampus yang menyelaras urusan mengenai Taska di agensi kerajaan di mana pegawai berkhidmat. Ini bagi melayakkan pegawai diberi pertimbangan untuk terus menerima pemberian subsidi yuran pengasuhan Taska pada tahun berikutnya.

- 3.3.7 Bagi keadaan di mana pendapatan bulana isi rumah pegawai melebihi RM7,000.00 sebulan, pegawai adalah bertanggungjawab memaklumkan perubahan gaji dengan mengemukakan salinan penyata gaji yang terkini kepada Ketua Jabatan dalam bulan tersebut. Pemberian subsidi yuran pengasuhan Taska ini hendaklah diberhentikan berkuatkuasa mulai tarikh perubahan gaji tersebut. Kaedah pengiraan seperti di Lampiran B.
- 3.3.8 Pegawai boleh menghantar anak ke Taska di kementerian atau agensi kerajaan selain daripada tempat kerjanya, dan layak memohon subsidi daripada Bahagian Saraan Kemudahan, Pejabat Pendaftar, UiTM atau pentadbiran kampus yang menyelaras urusan mengenai Taska di agensi kerajaan masing-masing.

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling dikeluarkan pada 21 Ogos 2023.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 April 2023.




HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan
Semua Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian
Semua Dekan/ Fakulti/ Akademi/ Institut
Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit
Universiti Teknologi MARA

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 20/2023)

LAMPIRAN A

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT/ URUS SETIA
NO. PERMOHONAN:
TARIKH DITERIMA:

PERMOHONAN PEMBERIAN SUBSIDI YURAN PENGASUHAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA) DI TEMPAT KERJA SEKTOR AWAM

1. Permohonan ini hanya kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang berpendapatan bulanan isi rumah tidak melebihi RM7,000.00 sebulan.
2. Pemohon hendaklah menyertakan dokumen seperti berikut (tandakan mana yang berkenaan):

1.	Salinan penyata gaji pegawai	
2.	Salinan penyata gaji suami/ isteri. Bagi suami/ isteri yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan sama ada suri rumah, bekerja sendiri, atau bekerja di sektor swasta, dokumen atau keterangan berkaitan pendapatan perlu disahkan oleh Ketua Jabatan pegawai	
3.	Salinan Sijil Kelahiran anak	
4.	Salinan Sijil Kelahiran anak angkat dan Sijil Pengangkatan daripada Jabatan Pendaftaran Negara	
5.	Salinan Sijil Kelahiran anak pelihara dan dokumen pengesahan mengikut peruntukan undang-undang	
6.	Salinan Sijil Kelahiran anak tiri dan dokumen menunjukkan hubungan dengan anak tersebut	

3. Pemohon hendaklah mengemukakan semula permohonan setiap tahun selewat-lewatnya pada 31 Disember.

A. BUTIRAN PEMOHON

1. Nama :
2. No. Kad Pengenalan :
3. Bahagian/ Unit :
4. Alamat Pejabat :
5. Alamat Rumah :

LAMPIRAN A

6. No. Telefon : Pejabat :
Bimbit :

7. E-Mel :

8. Jawatan :

9. Gred :

10. Alamat TASKA
(Jika berlainan
dengan alamat
pejabat) :

B. BUTIRAN SUAMI/ ISTERI

1. Nama :

2. No. Kad Pengenalan :

3. Bahagian/ Unit :

4. Alamat Pejabat :

.....

.....

.....

5. Alamat Rumah :

.....

.....

.....

.....

6. No. Telefon : Pejabat :

Bimbit :

7. E-Mel :

8. Jawatan :

9. Gred :

10. Alamat TASKA
(Jika berlainan
dengan alamat
pejabat) :

.....

.....

C. PENDAPATAN BULANAN

1. Jumlah Pendapatan Bulanan

(i) Pemohon	: RM
(ii) Suami/ Isteri	: RM
Jumlah Keseluruhan	: RM

LAMPIRAN A

2. Tarikh Pergerakan Gaji

- (i) Pemohon :
(ii) Suami/ Isteri :

3. Kadar Kenaikan Gaji Tahunan

- (i) Pemohon : RM
(ii) Suami/ Isteri : RM

D. NAMA ANAK-ANAK BERUMUR BAWAH 4 TAHUN

BIL.	NAMA	UMUR (TAHUN / BULAN)
1.		
2.		
3.		
4.		

E. PENGAKUAN PEMOHON

Saya mengaku bahawa semua maklumat dan keterangan di atas adalah benar dan hanya saya seorang sahaja yang membuat permohonan Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan TASKA Di Tempat Kerja Sektor Awam untuk anak-anak saya seperti dinyatakan di perenggan D. Sebarang ketidakpatuhan peraturan yang ditetapkan boleh menyebabkan saya dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].

Tarikh:
.....
(Tandatangan Pemohon)

KEGUNAAN PEJABAT/ URUS SETIA

*** DILULUSKAN/ TIDAK DILULUSKAN**

JUMLAH YURAN TASKA : RM _____

JUMLAH SUBSIDI YANG DILULUSKAN : RM _____

TANDATANGAN KETUA JABATAN : _____

NAMA : _____

JAWATAN : _____

**Potong mana yang tidak berkenaan*

LAMPIRAN B

Contoh 1: Pegawai Diberi Pergerakan Gaji Tahunan

- (a) Encik Harith, Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 lantikan 2023 (TPG pada 1 Januari) dan isterinya Puan Nurul, Pegawai Pertanian Gred G41 lantikan 2023 (TPG pada 1 Januari) dengan jumlah pendapatan bulanan isi rumah seperti berikut:

	Gaji Hakiki (RM)	ITP (RM)	ITKA (RM)	BISH (RM)	JUMLAH (RM)
Encik Harith	2,315.00	300.00	300.00	300.00	3,215.00
Puan Nurul	2,390.37	300.00	300.00	300.00	3,290.37
JUMLAH PENDAPATAN ISI RUMAH					6,505.37

Pegawai **adalah layak** untuk memohon subsidi yuran pengasuhan TASKA mulai April 2023.

- (b) Pada Januari 2025, gaji hakiki Encik Harith adalah RM2,765 dan Puan Nurul adalah RM2,840.37 susulan pergerakan gaji tahunan, menjadikan jumlah pendapatan bulanan isi rumah yang baharu seperti berikut:

	Gaji Hakiki (RM)	ITP (RM)	ITKA (RM)	BISH (RM)	JUMLAH (RM)
Encik Harith	RM2,765.00	300.00	300.00	300.00	3,665.00
Puan Nurul	RM2,840.37	300.00	300.00	300.00	3,740.37
JUMLAH PENDAPATAN ISI RUMAH					7,405.37

Pegawai **tidak layak** diberikan kemudahan subsidi yuran pengasuhan TASKA **mulai Januari 2025**.

Contoh 2: Kenaikan Pangkat Pegawai Pada 13 November 2023

(a) Encik Suhaimi, Akauntan Gred W41 (TPG pada 1 Oktober) dan isterinya Puan Lisa, Penolong Pegawai Penerangan S29 (TPG pada 1 April) dengan jumlah pendapatan bulanan isi rumah seperti berikut:

	Gaji Hakiki (RM)	ITP (RM)	ITKA (RM)	BISH (RM)	JUMLAH (RM)
Encik Suhaimi	3,495.00	300.00	300.00	300.00	4,395.00
Puan Lisa	1,783.00	300.00	160.00	350.00	2,593.00
JUMLAH PENDAPATAN ISI RUMAH					6,988.00

Pegawai **adalah layak** untuk memohon subsidi yuran pengasuhan TASKA mulai April 2023.

(b) Berkuat kuasa 13 November 2023, Encik Suhaimi dinaikkan pangkat ke Akauntan Gred W44 dengan gaji kenaikan pangkat adalah RM3,970.00 menjadikan jumlah pendapatan bulanan isi rumah yang baharu seperti berikut:

	Gaji Hakiki (RM)	ITP (RM)	ITK/ ITKA (RM)	BISH (RM)	JUMLAH (RM)
Encik Suhaimi	3,970.00	400.00	400.00	300.00	5,070.00
Puan Lisa	1,783.00	300.00	160.00	350.00	2,593.00
JUMLAH PENDAPATAN ISI RUMAH					7,663.00

Pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA perlu **diberhentikan mulai 13 November 2023**. Pengiraan kadar kelayakan subsidi yuran pengasuhan TASKA bagi tarikh **1 hingga 12 November 2023** adalah seperti berikut:

$$\begin{array}{lcl} \text{Jumlah subsidi yuran pengasuhan TASKA} & = & \text{RM}180.00 \\ \text{Jumlah subsidi dibayar kepada TASKA} & = & \frac{12}{30} \times \text{RM}180.00 = \underline{\text{RM}72.00} \end{array}$$

Nota:

- TPG : Tarikh Pergerakan Gaji
- ITP : Imbuhan Tetap Perumahan
- ITKA : Imbuhan Tetap Khidmat Awam
- ITK : Imbuhan Tetap Keraian
- BISH : Bayaran Imbuhan Sara Hidup